

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Pentadbiran

Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah (JAS Kedah) diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh dua (2) orang Ketua Penolong Pengarah (Operasi) dan Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan). Jumlah pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional iaitu Gred C44 dan C41 adalah seramai 11 orang yang ditempatkan di pelbagai unit dan cawangan. Manakala perjawatan peringkat sokongan teknikal terdiri dari Gred C38, C32, C27, J26, J22 dan J17 (seramai 52 orang). Terdapat 1 kekosongan jawatan JTK di JAS Cawangan Langkawi dan 1 jawatan Pembantu Tadbir.

Jadual 1.1 : Senarai Perjawatan

Bil.	Jawatan	Gred	Perjawatan	Diisi	Kosong
1.	Pengarah	C54	1	1	0
2.	Ketua Penolong Pengarah	C48	2	2	0
3.	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	3	3	0
4.	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C41	8	8	0
5.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (Tertinggi)	C38	1	1	0
6.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (Kanan)	C32	5	5	0
7.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C27	22	22	0
8.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
9.	Penolong Pegawai Sistem Maklumat	F29	1	1	0
10.	Penolong Pegawai Tadbir (Kesyntiausahaan)	N27	1	1	0
11.	Juruteknik Alam Sekitar	J26	1	1	0
12.	Juruteknik Alam Sekitar	J22	4	3	1
13.	Juruteknik Alam Sekitar	J17	19	19	0
14.	Pembantu Akauntan	W17	2	2	0
15.	Pembantu Tadbir (PT/PO)	N17	7	6	1
16.	Pemandu	R6	2	2	0
		R3	5	5	0
17.	Pembantu Am Pejabat	N4	1	1	0
Jumlah			86	84	2




PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Jadual 1.2 : Senarai Penempatan

Bil.	Nama	No. KP	Jawatan	Jabatan Sebelum	Tarikh Kuatkuasa	Penempatan Sekarang
1.	En. Mazlan bin Omar	630905-04-5323	Pen. Pengarah	JAS Putrajaya	01.01.2013	JAS Caw. Langkawi
2.	En. Ramli bin Manap	651223-05-5383	Pegawai Kawalan	JAS Perak	01.04.2013	JAS Alor Setar
3.	En. Saffinee bin Sulaiman	630701-02-5793	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	JAS Putrajaya	01.01.2013	JAS Caw. Sg. Petani
4.	En. Rizal bin Osman	770402-07-6173	Pen. Pegawai Kawalan	JAS Perlis	15.01.2013	JAS Alor Setar
5.	Cik Yusmaizyani binti Yusof	830215-07-5644	Pen. Pegawai Kawalan	JAS Putrajaya	15.01.2013	JAS Caw. Langkawi
6.	Pn. Raja Noor Eliza Shahfina bt. Raja Noor Bashah	840409-08-6164	Pen. Pegawai Kawalan	JAS Putrajaya	03.06.2013	JAS Alor Setar
7.	En. Mohamed Khairul Ikhwan bin Atan	801015-05-5187	Pen. Jurutera	JAS Sarawak	19.02.2013	JAS Caw. Sg. Petani
8.	En. Sayed Omar bin Sayed Din	610303-02-5503	Pemandu	JAS Perlis	28.05.2013	JAS Alor Setar
9.	En. Mohamad Akib bin Md. Ali	710101-02-7453	Pemandu	JAS P.Pinang	01.06.2013	JAS Caw. Kulim



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN




JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH

PENGARAH

Mohamad Sayuth B. Sepeai, AMR

Setiasaha Pejabat
No.10



Catatan:

JTK di Kulim dipindahkan secara
 pentadbiran dari JAS Sg Petani

Kemaskini pada 30 Disember 2013



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Kewangan

Pada tahun 2013, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menerima peruntukan belanja mengurus sebanyak **RM 1,178,291.00** dan peruntukan pembangunan sebanyak **RM 194,900.00**.

Jadual 1.3 : Peruntukan Kewangan dan Peratusan Perbelanjaan

Bil	Tujuan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	PENGURUSAN			
	Pengurusan Pejabat	1,178,291.00	1,178,291.00	99.99%
	Pelan Tindakan Pembersihan Pantai	8,000.00	8,000.00	100%
	Harta Modal	4,046.00	4,046.00	100%
	Pengawasan Marin	1,500.00	1,253.00	83.53%
2.	PEMBANGUNAN			
	Kem Kesedaran Alam Sekitar	20,000.00	19,999.14	100%
	Program Rakan Alam Sekitar	129,400.00	129,394.63	100%
	Geographical Information System (GIS)	14,675.00	14,675.00	100%



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Kutipan Hasil

Pada tahun 2013, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah berjaya mengutip hasil berjumlah RM 335,530.22 iaitu bertambah sebanyak (14.41%) berbanding RM 287,193.34 pada tahun sebelumnya.

Jadual 1.4 : Trend Kutipan Hasil

Bil	Perihal Hasil	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
1.	Bayaran Lesen	70,378.10	147,982.54	48,249.88
2.	Bayaran Kompaun/ Denda	85,570.00	118,740.00	228,720.00
3.	Bayaran Proses	12,400.00	13,480.00	7,630.00
4.	Jualan Barang Cetak	265.00	185.00	95.00
5.	Jualan Harta Benda Kerajaan	1,834.00	850.00	50,826.00
6.	Pulangan/Terimaan	-	5,955.80	9.34
Jumlah		170,447.10	287,193.34	335,530.22



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Sumber Manusia Dan Latihan

Setiap tahun JAS Kedah menghantar pegawai dan kakitangannya menghadiri kursus, bengkel, seminar dan latihan bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan profesionalisma selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan pegawai dan kakitangan yang cekap dalam menjalankan tugas yang di amanahkan.

Usaha-usaha ini akan berterusan khususnya kepada pegawai dan kakitangan yang baru. Kebanyakan kursus yang dihadiri pegawai dianjurkan oleh Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) yang merupakan institut latihan di bawah pengurusan JAS Ibu Pejabat.

Pada tahun 2013 seramai 84 orang pegawai dan kakitangan telah menghadiri kursus yang meliputi kursus teknikal, pengurusan, pentadbiran/ kewangan, teknologi maklumat (ICT) dan lain-lain. Semua pegawai dan kakitangan juga telah berjaya menghadiri 7 hari kursus pada tahun 2013 mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah juga telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa yang terlibat dalam menguruskan isu-isu berkaitan pentadbiran Jabatan. Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:-

Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

- MBJ di wujudkan untuk memperolehi kerjasama yang menyeluruh di antara pihak pegawai dan pihak pekerja di Kementerian/ Jabatan.
- Memberi peluang kepada kakitangan untuk mengemukakan pendapat dan mengambil bahagian secara aktif dalam membincangkan dan menyelesaikan isu berkaitan sistem kerja, urusan pentadbiran, kebajikan pekerja dan perjalanan organisasi di kementerian, jabatan atau pejabat berkenaan.
- MBJ meliputi semua perkara berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan perjalanan yang ada hubungkait dengan pentadbiran kecuali yang menyentuh dasar kerajaan atau hal-hal perseorangan.
- Semua ahli boleh mengambil bahagian dalam perbincangan dan berkongsi idea dalam mencari penyelesaian masalah yang dihadapi.



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

- Membantu dalam menyediakan kaedah keselamatan dan kesihatan dan sistem kerja selamat.
- Mengkaji semula keberkesanan program keselamatan dan kesihatan.
- Disamping menjalankan kajian tentang trend kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja.
- Melaporkan kepada majikan apa-apa keadaan atau amalan yang tidak selamat atau tidak sihat di tempat kerja serta cadangan untuk tindakan pembaikan.
- Mengkaji semula dasar keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan membuat cadangan kepada majikan bagi apa-apa penyemakan dasar tersebut.

Jawatankuasa Keselamatan Pejabat

- Dilantik oleh Ketua Jabatan.
- Melaksanakan arahan keselamatan kerajaan serta mendapatkan nasihat daripada Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan.
- Tugas tambahan kepada tugas rasminya.

Jawatankuasa Pelaksana MS ISO 9001:2008

- Memastikan kesemua objektif kualiti MS ISO 9001:2008 dicapai di Jabatan Alam Sekitar sepenuhnya.
- Menyelaraskan aktiviti berkaitan dengan keperluan sistem dan perkara-perkara tertakluk dalam tugas MS ISO 9001:2008.



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Unit Teknologi Maklumat

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah melalui Unit Teknologi Maklumat telah mengambil inisiatif untuk melengkapkan peralatan komputer dan keselamatan jalur lebar yang terkini serta efisien kepada semua kakitangan dari masa ke semasa sejajar perkembangan teknologi maklumat yang pesat pada hari ini.

Sepanjang tahun 2013, Unit Teknologi Maklumat JAS Kedah dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat Ibu Pejabat, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, MAMPU dan GITN Sdn. Bhd telah melaksanakan beberapa projek ICT yang meliputi keselamatan rangkaian, menaiktaraf rangkaian, penggabungan rangkaian, membina dan menaiktaraf sistem aplikasi. Sebahagian besar dari projek ini merupakan projek Ibu Pejabat.

Keselamatan Rangkaian

Aspek keselamatan dalam komunikasi melalui rangkaian komputer menjadi semakin penting terutama dengan pertambahan aktiviti pertukaran maklumat sulit melalui Internet. Keselamatan rangkaian boleh di bahagikan kepada empat kategori umum iaitu kerahsiaan, pengesahihan, non-repudiation dan integriti.

Windows merupakan operating system yang paling popular. Penggunaannya bukan sahaja untuk Home User tetapi juga untuk Office User. Disebabkan Windows memonopoli ranking sebagai OS nombor satu, sekaligus menjadikan Windows sebagai sasaran utama untuk penyebaran virus computer.



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Pada mulanya virus cuma sebagai prank atau untuk tujuan suka-suka tetapi berubah menjadi duka setelah virus di percayai menjangkiti komputer syarikat dan syarikat menghadapi masalah seterusnya mengalami kerugian. Jumlah kerugian yang begitu banyak menyebabkan pengguna komputer mula memberi perhatian kepada tahap keselamatan komputer mereka. Maka wujudlah software yang dibina untuk melindungi computer dari ancaman virus iaitu antivirus.

Terdapat antivirus dalam versi trial yang bertujuan untuk memberi peluang kepada komputer user mencuba keberkesanan produk mereka. Tetapi dalam versi ini, biasanya antivirus itu tidak berfungsi dengan baik. Contohnya antivirus tersebut boleh mengesan virus tetapi tidak boleh delete atau remove virus tersebut. Ataupun tidak sama dengan versi yang sebenar. Oleh itu Unit Teknologi Maklumat JAS Kedah dengan kerjasama BTM Ibu Pejabat menggunakan perisian antivirus jenis Kaspersky.Lab. Perisian ini berada pada tangga 2 dalam 10 senarai terbaik anti-virus 2013 selepas Norton Antivirus sebagai perisai keselamatan maklumat di Jabatan ini.



Antivirus yang digunakan, Kaspersky Anti-Virus 6.0 R2.



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Bandwidth Manager

Merupakan satu perkakasan dan aplikasi untuk mengawal trafik didalam penggunaan jalur lebar bagi memantau penggunaan di Jabatan. Pihak GITN Sdn. Bhd. telah dinaiktaraf kelajuan jalur lebar sedia ada 4Mbps ke Network Metro E (10Mbps) di bawah pemerhatian dan kelolaan MAMPU bagi meningkatkan produktiviti kerja.



Kadar kelajuan yang telah dinaiktaraf ke 4 Mbps

Pelupusan Perkakasan ICT

Unit Teknologi Maklumat JAS Kedah telah membuat pelupusan perkakasan ICT pada 16 Oktober 2013. Kaedah pelupusan yang di ambil adalah secara jualan sisa kerana semua perkakasan tersebut telah rosak dan tidak efektif untuk dibaiki.



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



Pelupusan komputer

Penyelenggaraan Komputer

Prosedur ini menetapkan langkah-langkah untuk menyelenggara komputer pejabat Jabatan Alam Sekitar termasuklah peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (*Information and Communication Technology, ICT*) yang lain supaya dapat beroperasi dengan baik. Sehingga akhir tahun, Unit Teknologi Maklumat telah menerima 65 aduan dari pengguna dan semua aduan telah diselesaikan.

Prosedur ini digunakan dalam kerja-kerja menyelenggara komputer termasuk peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang lain yang digunakan oleh kakitangan Jabatan Alam Sekitar .

